

D318

U B866 DEB

MAHATHIR - BUSH R R R

DARIPADA ZAINOOR SULAIMAN

BOSTON, 22 MEI (BERNAMA) -- PRESIDEN GEORGE BUSH TELAH MEMBERI JAMINAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN MENGENAI DAKWAAN BAHAWA PIHAK BERKUASA PUSAT AMERIKA SYARIKAT (AS) TIDAK BERLAKU ADIL KEPADA MALAYSIA DALAM USAHANYA MENANGKIS KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN MINYAK KELAPA SAWIT.

BELIAU MEMBERIKAN JAMINAN ITU DALAM PERTEMUANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM DI SEBUAH RUANG KHAS DI UNIVERSITI BOSTON, DI SINI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BERNAMA SELEPAS PERTEMUAN HAMPIR SETENGAH JAM ITU BAHAWA BELIAU TELAH MENARIK PERHATIAN PRESIDEN BUSH MENGENAI TINDAKAN TIDAK ADIL SURUHANJAYA PERDAGANGAN PERSEKUTUAN YANG HANYA MEMPERSOALKAN TINDAKAN MALAYSIA MENANGKIS TUDUHAN PIHAK-PIHAK TERTENTU DI NEGARA ITU YANG MENYIFATKAN MINYAK SAWIT SEBAGAI +RACUN+ DAN MUDARAT KEPADA KESIHATAN.

FTC TELAH MEMPERSOALKAN POSTER-POSTER YANG DIKELUARKAN OLEH MALAYSIA YANG MENYEBUT BAHAWA MINYAK SAWIT BERKHASIAT DAN TIDAK BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN DENGAN ALASAN BAHAWA BELUM ADA HASIL KAJIAN YANG JELAS MENGENAI PERKARA ITU.

SEBALIKNYA, IA TIDAK PULA MEMPERSOALKAN POSTER-POSTER YANG DIKELUARKAN SEBELUM ITU OLEH PERSATUAN KACANG SOYA AMERIKA DAN PERSATUAN PENYELAMAT JANTUNG YANG MENUDUH KONONNYA MINYAK SAWIT BERACUN DAN TIDAK SELAMAT UNTUK KESIHATAN. -- LAGI.

1112MST 22 05 89

D320

U B867 DEB

MAHATHIR - BUSH 2 BOSTON

PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN MALAYSIA ITU SEMATA-MATA UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN SEBENAR.

MENURUTNYA, BELIAU TELAH MENYERAHKAN POSTER-POSTER BERKENAAN IAITU YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG MENENTANG MINYAK KELAPA SAWIT DAN YANG DIKELUARKAN OLEH KERAJAAN, KEPADA PRESIDEN BUSH.

PRESIDEN BUSH BERJANJI AKAN MENKAJI MASALAH ITU DAN MENYERAHKAN POSTER-POSTER ITU KEPADA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (NSC) UNTUK SIASATAN DAN TINDAKAN SELANJUTNYA.

BELIAU BERADA DI SINI UNTUK MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN UNIVERSITI BOSTON DI MANA ANAK DATUK SERI DR MAHATHIR, MUKHRIZ, 21, TAMAT PENGAJIAN DENGAN MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PENGURUSAN PERNIAGAAN.

PRESIDEN BUSH DAN PRESIDEN FRANCOIS MITTERRAND DARI PERANCHIS YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU DIANUGERAHI IJAZAH KEHORMAT DOKTOR UNDANG-UNDANG OLEH UNIVERSITI ITU YANG MERAYAKAN ULANG TAHUNNYA YANG KE-150 TAHUN INI.

DALAM UCAPAN KEPADA KIRA-KIRA 30,000 GRADUAN DAN IBU BAPA YANG MENGHADIRI MAJLIS ITU, PRESIDEN BUSH MEMUJI KETOKOHAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN NEGARA DAN SAHABAT AMERIKA YANG AKRAB. -- LAGI.

1116MST 22 05 89

U 8868 DEB
MAHATHIR - BUSH 3 BOSTON

DATUK SERI DR MAHATHIR SELANJUTNYA BERKATA PERTEMUAN BELIAU DENGAN PRESIDEN BUSH ADALAH UNTUK MEMPERERATKAN LAGI HUBUNGAN YANG SEDIA TERJALIN ANTARA MEREKA.

KALI PERTAMA MEREKA BERTEMU IALAH PADA TAHUN 1984 SEMASA ENCIK BUSH MENJADI NAIB PRESIDEN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU DAN PRESIDEN BUSH BERSEPENDAPAT BAHAWA TIDAK ADA MASALAH BESAR YANG DIHADAPI DALAM HUBUNGAN DUA HALA DAN PADA UMUMNYA HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN AMERIKA SYARIKAT SANGAT BAIK.

DALAM PERTEMUAN ITU, MEREKA JUGA MEMBINCANGKAN PERKEMBANGAN TERBARU DI KAMPUCHEA DAN DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENGAMBIL KESEMPATAN MEMPERTEGASKAN LAGI PENDIRIAN ASEAN MENGENAI MASALAH ITU.

+PRESIDEN BUSH INGIN TAHU PENDIRIAN ASEAN DAN MALAYSIA MENGENAI PERKARA ITU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ASEAN BERPENDIRIAN BAHAWA KESEMUA KUMPULAN TERBABIT DI VIETNAM -- KHMER ROUGE, BARISAN KEBANGSAAN PEMBEBASAN RAKYAT KAMPUCHEA (KPNLF), PENGIKUT SIHANOUK DAN REGIM BONEKA HENG SAMRIN -- PERLU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENYELESAIAN KRISIS KAMPUCHEA.

ASEAN JUGA MENYOKONG PENYERTAAN KUASA-KUASA LAIN UNTUK MENYELENGGARA DAN MENGAWASI REFERENDUM ATAU PILIHAN RAYA BAGI MEWUJUDKAN SEBUAH KERAJAAN SAH DI KAMPUCHEA, KATANYA.

KATANYA, MALAYSIA BIMBANG KERANA ADA PIHAK TERTENTU TERMASUK DI AMERIKA YANG BERPENDAPAT BAHAWA KUMPULAN YANG BEKERJASAMA DENGAN KHMER ROUGE, YANG MEMPUNYAI SEJARAH HITAM DI KAMPUCHEA, TIDAK PATUT DIBERI BANTUAN. -- LAGI.

1119MST 22 05 89

D323

R 8869 DEB
MAHATHIR - BUSH 4 BOSTON

+SIKAP INI BERBEZA DENGAN PENDIRIAN KITA DAN ASEAN,+ KATANYA. PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENEGASKAN KEPADA PRESIDEN BUSH TENTANG PERLUNYA KUMPULAN-KUMPULAN ANTIKOMUNIS KPNLF DAN KUMPULAN SIHANOUK DIBANTU BAGI MENGUATKAN MEREKA.

JIKA MEREKA LEMAH, MEREKA AKAN SENANG SAHAJA DIKUASAI OLEH KHMER ROUGE DAN USAHA UNTUK MENGHALANG KHMER ROUGE DARIPADA BERKUASA SEMULA DI KAMPUCHEA, AKAN MENJADI SIA-SIA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU GEMBIRA KERANA PRESIDEN BUSH TELAH MEMBERIKAN REAKSI POSITIF MENGENAI PERKARA ITU DAN BERJANJI AKAN TERUS MENYOKONG PENDIRIAN ASEAN DALAM ISU KAMPUCHEA.

PEMIMPIN AMERIKA ITU JUGA INGIN TAHU MENGENAI PERANAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH PUTERA NORODOM SIHANOUK DALAM PENYELESAIAN KAMPUCHEA. -- LAGI.

1123MST 22 05 89

D324

R 8870 DEB
MAHATHIR - BUSH 5 BOSTON

DALAM HUBUNGAN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PRESIDEN BUSH BAHAWA PADA MASA INI TIDAK ADA TOKOH YANG SESUAI DAN BOLEH DITERIMA OLEH KUMPULAN-KUMPULAN BERSENGKETA DAN SEBILANGAN BESAR RAKYAT KAMPUCHEA KECUALI PUTERA SIHANOUK, KATA PERDANA MENTERI.

DALAM PERTEMUAN ITU MEREKA JUGA MEMBINCANGKAN PERGOLAKAN TERBARU DI CHINA.

KETIKA DATUK SERI DR MAHATHIR BERTEMU PRESIDEN BUSH, ISTERI PEMIMPIN AMERIKA SYARIKAT ITU PUAN BARBARA BUSH MENGUNJUNGI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DI SEBUAH BILIK KHAS YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI KEPADA ROMBONGAN MALAYSIA.

YANG TURUT MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI IALAH GABENOR MASSACHUSETTS ENCIK MICHAEL DUKAKIS. -- BERNAMA.

1124MST 22 05 89